"Bukan sahaja aliran tunai keluar berlaku, malah boleh menyebabkan peningkatan harga domestik. Misalnya harga daging lembu tujuh tahun dahulu sekilogram adalah RM20 namun kini mencecah RM40 iaitu peningkatan dua kali ganda.

"Keselamatan makanan adalah penentu kestabilan negara kerana soal makanan sensitif sebab ini keperluan asas rakyat. Apatah lagi ketika situasi pandemik Covid-19 menyebabkan beberapa negara menutup sempadan, sekali gus menyukarkan keluar masuk makanan," katanya.

Sebelum ini, Jabatan Perangkaan Malaysia menerusi Akaun Pembekalan dan Penggunaan Komoditi Pertanian Terpilih 2016-2020 memaklumkan, negara mengimport RM55.5 bilion produk makanan berbanding eksport sebanyak RM33.8 bilion seperti direkodkan tahun lalu.

Dalam pada itu, Baharom berkata, sejak 20 tahun kebelakangan ini, Malaysia mengabaikan sektor pertanian apabila lebih memfokuskan kepada perkilangan dan perkhidmatan sehingga terpaksa mengimport makanan dari negara luar khususnya bekalan daging dan kelapa.

Lebih mengejutkan, beliau berkata, sumbangan industri pertanian negara kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) tidak sampai 10 peratus jika dibandingkan dengan Jepun dan Belanda iaitu antara 10 hingga 20 peratus.

"Sudah tiba masanya kita memfokuskan industri pengeluaran makanan dengan memperluas kawasan pertanian yang bukan sahaja di luar bandar, malah di dalam bandar menerusi inisiatif agro usahawan serta pertanian bandar atau *urban farming*," katanya.

Sementara itu, Pengerusi Pertubuhan Gerak Tani Negeri Johor, Datuk Mazlan Aliman berkata, kerenah birokrasi menjadi punca negara bergantung penuh kepada import makanan walaupun hakikatnya mempunyai dasar dan strategi pertanian yang baik.

Beliau menambah, kekangan modal turut menjadi masalah besar meskipun terdapat banyak rakyat berminat menceburi industri pertanian dan penternakan kerana kedua-dua bidang itu menelan kos tinggi selain tiada pihak yang mahu melabur.

"Misalnya lepasan graduan pertanian mahu menceburi pertanian moden, tetapi memerlukan kos tinggi. Yang menjadi masalah apabila proses permohonan pembiayaan memerlukan masa panjang, ini tidak kira lagi belum diluluskan.

"Selain itu, kesukaran mendapat tanah untuk menampung pertanian berskala besar. Akhirnya anak-anak muda yang berminat kecewa. Apabila tiada pemain memulakan kerja-kerja bercucuk tanam, maka industri ini tiada berkembang. Terpaksa kekal bergantung petani sedia ada dan apabila bekalan tidak cukup, kerja terpaksa import dari negara luar," ujarnya.

Justeru, Mazlan menegaskan, perkara utama perlu diselesaikan adalah pemantauan dan implementasi terhadap dasar sedia ada agar pelaksanaan berjalan seperti dirancang supaya sektor makanan negara tidak terjejas sehingga bergantung bekalan negara luar.

"Apa guna dasar yang baik apabila banyak masa dan wang dicurahkan tapi hanya atas kertas. Namun akhirnya teori dan retorik kerana praktikal tidak menjadi realiti," katanya.

Beliau berkata, kerajaan perlu meningkatkan jumlah tenaga mahir tempatan memandangkan negara kekurangan buruh asing akibat kesan pandemik Covid-19 dengan mengembleng anak muda seperti mana profession lain.



NEGARA dalam bahaya jika mengalami defisit eksport dan import makanan yang berterusan sehingga mencapai kadar 35 peratus. – GAMBAR HIASAN

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 10/9/2021 | HARIAN METRO | ONLINE | |

## Harga ayam naik kerana bekalan di ladang kurang




WAN Ahmad Fauzi memotong ayam di gerainya di Pasar Besar Alor Setar.FOTO Noorazura Abdul Rahman

Alor Setar: Kenaikan harga ayam sejak dua minggu lalu menyebabkan peniaga turut terkesan malah mendakwa untung diterima juga minimum demi menjaga pelanggan.

Peniaga ayam Pasar Besar Alor Setar, Wan Ahmad Fauzi Wan Ismail, 50, berkata, harga ayam naik sehingga RM9.50 sekilogram berbanding RM7.90 dua minggu lalu.

Katanya, kenaikan harga ayam berlaku selepas kerajaan mengumumkan kebanyakan sektor dibenarkan kembali operasi.

"Biarpun mampu menjual kira-kira 200 ekor ayam sehari berbanding 100 ekor sehari dua minggu lalu, ia masih tidak berbaloi kerana saya hanya untung tipis (minimum), jika jual terlalu mahal saya bimbang pelanggan tak berani beli.

"Daripada 10 pelanggan yang datang, enam merungut harga ayam mahal, saya tak mampu buat apa kerana saya sendiri pun perlu membayar upah tiga pekerja," katanya ditemui di pasar besar berkenaan.

Wan Ahmad berkata, dia difahamkan, kenaikan harga ayam berlaku di peringkat ladang apabila bekalan ayam kurang selepas permintaan ayam meningkat secara mendadak.

"Saya juga difahamkan terdapat ayam di ladang yang sakit dan mati sekali gus menyebabkan kekurangan bekalan di ladang berkenaan.

"Dahulu hendak cari bekalan ayam mudah, ladang menawarkan harga murah kerana susah hendak jual. Kini, pembekal tak cukup bekalan dan terpaksa tanya kepada pembekal lain. Ia turut menyebabkan harga jualan naik," katanya yang berniaga ayam di pasar besar itu sejak 23 tahun lalu.

Sementara itu, penternak dan peniaga ayam, Mazlina Kamarudin, 54, berkata, Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (Mafi) perlu segera menangani isu kenaikan kos dedak dan anak ayam di pasaran terutama ketika perintah kawalan pergerakan (PKP) ketika ini yang mempengaruhi kos ternakan serta harga ayam di pasaran.

Beliau yang juga Pengarah Urusan Bismi Empire Sdn Bhd (Ayam Bismi) berkata, kenaikan harga dedak daripada RM80 setiap pek 50 kilogram (kg) kepada RM128 ketika ini sangat membebankan penternak.

"Kos utama ayam adalah dedak. Apabila harga dedak naik, secara tidak langsung harga ayam juga naik. Kepada penternak, dedak adalah isu yang besar dan perlu diatasi segera.

"Bukan semata-mata tentang kenaikan harga ayam itu sahaja yang dipolemik dan dilihat seolah-olah penternak yang 'bersalah'. Penternak tertekan kerana menanggung kos yang tinggi ketika PKP dan terus terang, ramai penternak 'bungkus' kerana masalah ini sudah lama berlaku," katanya.

Mengulas lanjut, Mazlina berkata, kenaikan harga ayam di pasaran ketika ini tidak boleh diletak di bahu penternak sahaja malah perlu dikaji dengan mendalam oleh kementerian sekali gus mengambil langkah proaktif menanganinya.

"Bukan ingin salahkan sesiapa tetapi perkara ini perlu ditangani segera demi menstabilkan harga ayam di pasaran. Syarikat pengimport dedak juga tidak boleh dipersalahkan kerana mereka turut terbeban dengan kenaikan harga dedak di pasaran dunia kerana pandemik.

"Dedak seperti jagung dan soya kini menjadi komoditi penting dalam sektor ternakan. Ia menjadi rebutan negara besar dunia dan dedak yang kita peroleh pula kurang berkualiti seterusnya menjejaskan tumbesar ayam," katanya.

Menurutnya, sepanjang Jun hingga Ogos lalu, ia tempoh kritikal bagi tumbesaran anak ayam dan kualiti dedak ini menyebabkan banyak ayam sakit malah mati.

"Kos ubatan tinggi, begitu juga dengan makanan tambahan untuk ayam bagi memastikan tumbesarannya stabil. Perkara ini juga mempengaruhi kenaikan kos ternakan ayam," katanya.

**Disiarkan pada: September 9, 2021 @ 5:41pm**

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 10/9/2021 | HARIAN METRO | MUKA DEPAN | 1 |



| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 10/9/2021 | HARIAN METRO | LOKAL | 13 |

# Dedak ayam makin mahal

## *Penternak dedah punca kenaikan harga jualan*

Oleh Redzuan Mubaram
redzuan.muharam@hmetro.com.my

**Baling**

Jualan dedak yang mahal dipercayai menjadi salah satu punca kenaikan harga ayam di pasaran ketika ini.

Perkara itu disuarakan oleh penternak dan penjual ayam hidup, Azli Mustapa, 40, dari Kupang di sini yang tidak menafikan berlaku kenaikan harga ayam sejak minggu lalu.

Menurut Azli, kenaikan harga dedak amat ketara kerana mencecah RM110 hingga RM114 untuk 50 kilogram (kg) berbanding RM81 sebelum ini.

"Harga dedak memang melambung naik dan boleh mencecah RM117 bagi setiap guni berisi 50kg jika termasuk dengan kos pengangkutan.

"Ikutkan, RM81 itu adalah harga sebelum Covid-19 dan setiap bulan, harga dedak naik antara RM2 hingga RM3 sejak pandemik.

"Saya jangkakan harga dedak akan naik lagi hujung bulan ini atau awal bulan depan," katanya ketika dihubungi Harian Metro.

Menurut Azli, dia kini menjual ayam hidup pada harga antara RM6.50 hingga RM6.80 setiap satu kg.

Katanya, berlaku peningkatan mendadak kerana ayam di ladang sebelum ini dijual pada harga RM1.80 saja untuk satu kg dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

"Apabila sampai ke pasaran, ayam daging dijual dengan harga RM10 bagi satu kg manakala RM12 hingga RM13 untuk satu kg ayam kampung.

"Saya tidak pasti sampai bila harga ayam akan berlaku, tetapi penternak dan peniaga juga tersepit kerana perlu menanggung kos membayar pekerja," katanya yang menjadi penternak ayam sejak 2006.

Sementara itu, penternak ayam sambilan dikenali Kamal, 43 dari Sungai Petani turut mengakui kenaikan harga ayam di pasaran disebabkan dedak yang mahal.

Katanya, ia menyebabkan penternak terpaksa menjual ayam kepada peniaga dengan harga mahal berbanding sebelum ini.

"Sebelum ini, satu kg ayam hidup dijual dengan harga antara RM1.80 hingga RM2.20 saja.

"Sejak kebelakangan ini, ayam dijual dengan harga RM4 hingga RM6 satu kg dan boleh juga mencecah RM8 ke RM9 jika menggunakan khidmat orang tengah.

"Kenaikan harga dedak salah satu punca ayam jadi mahal namun ada juga segelintir peniaga mengambil kesempatan," katanya.

> "Saya jangkakan harga dedak akan naik lagi hujung bulan ini"
> Azli Mustapa



HARGA dedak mencecah RM117 bagi setiap guni berisi 50kg jika termasuk dengan kos pengangkutan berbanding RM81 sebelum ini.



HARGA jualan ayam di pasar basah mengalami kenaikan sehingga RM10 sekilogram.

## KPDNHEP, pengeluar cari penyelesaian

**Kuala Terengganu:** Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) akan berbincang dengan beberapa pengeluar ayam terbesar bagi menyelesaikan isu kenaikan harga ayam.

Timbalan Menterinya Datuk Rosol Wahid berkata, perbincangan itu diadakan untuk mengenal pasti punca berlaku kenaikan harga ayam sekali gus mencari jalan penyelesaian.

Menurutnya, ketika ini pemantauan dilakukan mendapati terdapat pasar raya besar menjual ayam pada harga antara RM6.90 hingga RM8.49 setiap kilogram (kg) manakala pasar raya pula antara RM6.90 hingga RM8.89 satu kilogram.

"Kenaikan harga ayam sehingga RM10 sekilogram hanya berlaku di pasar basah berikutan permintaan tinggi daripada pengguna.

"Ini kerana pengguna menganggap ayam dijual di pasar basah lebih segar dan berkualiti jika dibandingkan dengan yang dijual di pasar raya besar atau pasar raya," katanya ketika dihubungi, semalam.

Sementara itu, mengulas kenyataan Penasihat Persekutuan Persatuan-Persatuan Penternak Malaysia (FLFAM), Datuk Jeffrey Ng mendakwa kenaikan harga ayam disebabkan peningkatan kos untuk dedak dan anak ayam, Rosol mempersoalkan mengapa berlaku perbezaan harga ayam antara yang dijual di pasar basah dan pasar raya.

Katanya, kalangan peniaga yang menjual ayam di bahu jalan juga mampu menjualnya pada harga lebih murah jika dibandingkan di pasar basah.

"KPDNHEP akan mengadakan perbincangan dengan pembekal dan pengeluar termasuk di peringkat ladang untuk mencari kaedah penyelesaian.

"Kita juga meminta pengguna supaya beralih mendapatkan bekalan ayam di pasar raya besar dan di pasar raya kerana kualiti serta kesegaran tetap sama," katanya.

## 'Tetap harga siling sepanjang tahun'

**Kuala Lumpur:** Harga sumber protein seperti ikan dan daging yang mahal menyebabkan pengguna beralih kepada ayam sebagai alternatif namun harganya yang naik mendadak sejak beberapa hari lalu terus menghimpit para pengguna.

Justeru, Timbalan Presiden Gabungan Persatuan-Persatuan Pengguna Malaysia (Fomca), Mohd Yusof Abdul Rahman meminta kerajaan menetapkan satu harga siling ayam untuk sepanjang tahun dan bukan hanya di musim perayaan.

Katanya, permintaan ayam yang tinggi berlaku disebabkan pengguna terpaksa memilih sumber protein berkenaan ekoran harga ikan dan daging kini terus kekal tinggi.

"Kenaikan harga ayam bukan perkara baharu kerana ia akan berlaku saban tahun dengan alasan yang sama oleh penternak.

"Peniaga juga terhimpit jika di peringkat penternak menjual pada harga tinggi. Harga siling sepanjang tahun perlu ditetapkan dan bukan hanya tertumpu ketika musim perayaan saja," katanya ketika dihubungi Harian Metro.

Beliau berkata, pengguna tidak mempunyai pilihan selain membeli ayam dan ini mungkin digunakan pihak tertentu untuk menaikkan bagi mendapat keuntungan lebih.

Tambahnya, penternak juga perlu memastikan bahan mentah dan sumber tenaga kerja stabil supaya tidak berlaku kenaikan harga mendadak.

Harga ayam di beberapa lokasi seluruh negara dilaporkan naik sehingga RM10 sekilogram sejak beberapa hari lalu ternyata mengejutkan pengguna.

Penternak dan pengeluar memaklumkan kenaikan harga dedak, anak ayam dan sumber tenaga pekerja asing menjadi punca kenaikan berlaku.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 10/9/2021 | UTUSAN MALAYSIA | DALAM NEGERI | 10 |

# Harga ayam, telur tidak dikawal kecuali musim perayaan

**PUTRAJAYA:** Harga ayam dan telur bukan dalam senarai barang kawalan kecuali semasa musim perayaan utama di Malaysia melalui pelaksanaan Skim Harga maksimum Musim Perayaan (SHMMP).

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) dalam satu kenyataan berkata, dalam sistem ekonomi pasaran bebas, harga barangan ditentukan oleh permintaan dan penawaran.

Bagaimanapun menurut kenyataan itu, kementerian akan memantau harga ayam serta telur yang didakwa meningkat sebelum menentukan langkah menstabilkannya termasuk memastikan tiada manipulasi dan pengambilan untung berlebihan dalam kalangan peniaga.

"Kementerian juga tidak akan teragak-agak untuk melaksanakan akta seperti Akta Kawalan Bekalan 1961 serta Akta Kawalan Harga dan Anti-Pencatutan 2011 jika keadaan memerlukan kerana kenaikan harga akan memberi impak ke atas kos sara hidup rakyat.

"Menerusi fasa pemulihan dengan penutupan dan pembukaan sektor ekonomi, penyesuaian pasaran akan berlaku apabila terdapat lonjakan kuantiti penawaran dan permintaan," katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

KPDNHEP berkata, pihaknya turut mendapati harga telur ayam naik di peringkat penternak dan pemborong disebabkan berlaku peningkatan kos di setiap peringkat pembekalan.

Pemantauan turut dilaksanakan di peringkat makanan ayam dan mendapati peningkatan terhadap kos bagi bahan-bahan utama makanan ayam iaitu jagung, soya dan minyak sawit mentah.

"Perincian maklumat kos sedang diperoleh dan disiasat bagi mengesan punca" katanya.

Tambahnya, berdasarkan Laporan Price Alert Harian 6 September lalu mendapati harga ayam standard peringkat nasional meningkat daripada RM8.39 kilogram (kg) kepada RM8.47/kg, dengan peningkatan sebanyak 0.94 peratus (RM0.08/kg).

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 10/9/2021 | BERITA HARIAN | NASIONAL | 14 |


Isu harga ayam naik

# Kementerian ajak pengeluar bincang

## Dua pihak cari jalan selesai masalah beban pengguna sekian lama

Oleh Baharom Bakar dan Ekhwan Haque Fazlul Haque
bhnews@bh.com.my

**Kuala Terengganu:** Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) akan berbincang dengan beberapa pengeluar ayam terbesar negara bagi menyelesaikan isu kenaikan harga ternakan itu di pasaran.

Timbalan Menterinya, Datuk Rosol Wahid, berkata perbincangan itu untuk mengenal pasti punca kenaikan harga dan mencari jalan penyelesaian.

Katanya, berdasarkan pemantauan KPDNHEP, masih ada pasar raya besar menjual ayam pada harga RM6.90 hingga RM8.49 sekilogram, manakala pasar raya pula menjual antara RM6.90 hingga RM8.89 sekilogram.

"Kenaikan harga ayam sehingga RM10 sekilogram hanya berlaku di pasar basah berikutan permintaan tinggi pengguna yang menganggap ayam di pasar basah lebih segar serta berkualiti berbanding yang dijual di pasar raya besar dan pasar raya," katanya kepada *BH*, semalam.

Mengulas kenyataan Penasihat Persekutuan Persatuan-Persatuan Penternak Malaysia (FLFAM), Datuk Jeffrey Ng bahawa ada beberapa faktor memaksa penternak menaikkan harga ayam, antaranya peningkatan kos untuk dedak dan anak ayam pula, Rosol mempersoalkan mengapa berlaku perbezaan harga antara pasar basah dengan pasar raya.

Katanya, perbezaan harga turut berlaku apabila ada peniaga kecil di bahu jalan mampu menjual ayam pada harga lebih murah jika dibandingkan di pasar basah.

"KPDNHEP akan mengadakan perbincangan dengan pembekal dan pengeluar, termasuk pada peringkat ladang, untuk mencari kaedah penyelesaian.

"Kita juga meminta pengguna beralih mendapatkan ayam di pasar raya besar dan pasar raya kerana kualiti serta kesegaran tetap sama," katanya.



Rosol Wahid

Sementara itu, tinjauan mendapati ada peniaga masih menjual ayam pada harga antara RM8.10 hingga RM9 sekilogram, manakala harga borong antara RM7.99 hingga RM8.10 sekilogram.

Peniaga ditemui mendakwa harga ayam dijangka meningkat hingga RM10 sekilogram sepanjang minggu depan.

Semalam, *BH* memetik Jeffrey berkata, pandemik COVID-19 dan sekatan pergerakan turut mempengaruhi kenaikan harga ayam di pasaran.

Antara lain kerana penternak perlu menanggung kos saringan COVID-19 berkala untuk pekerja, selain menampung kenaikan gaji mengambil warga tempatan bekerja berikutan kekurangan pekerja asing.

Katanya lagi, sekatan pergerakan yang menyaksikan restoran ditutup dan tidak boleh makan di premis atau *dine-in*, turut menjejaskan permintaan terhadap bekalan ayam, selain kenaikan harga dedak daripada RM800 satu tan kepada antara RM1,200 hingga RM1,300.

Jeffrey berkata, harga pasaran anak ayam juga meningkat antara RM2.10 hingga RM2.20 seekor, selain hujan hampir setiap hari, sekali gus memberi kesan kepada pembesaran anak ayam yang memerlukan tempoh 40 hari untuk mencapai berat 1.8 kilogram menyebabkan penternak menanggung kos tinggi untuk makanan ternakan dan penjagaan.

Di **Kuala Lumpur**, Timbalan Presiden Gabungan Persatuan-Persatuan Pengguna Malaysia (FOMCA), Mohd Yusof Abdul Rahman, meminta kerajaan menetapkan satu harga siling ayam untuk sepanjang tahun dan bukan hanya pada musim perayaan.

Beliau berkata, permintaan ayam tinggi kerana pengguna terpaksa memilih sumber protein itu susulan harga ikan dan daging terus kekal tinggi.

"Kenaikan harga ayam bukan perkara baharu kerana ia akan berlaku saban tahun dengan alasan sama oleh penternak.

"Peniaga juga terhimpit jika penternak menjual pada harga tinggi.

"Justeru, harga siling sepanjang tahun perlu ditetapkan dan bukan tertumpu ketika musim perayaan saja," katanya.

# Peniaga sanggup untung sedikit jaga hati pembeli




*Ayam dijual RM9.50 sekilogram di Pasar Bukit Besar, Kuala Terengganu, semalam.* (Foto Ahmad Rabiul Zulkifli/BH)

**Kuala Lumpur:** Kenaikan harga ayam ketika ini bukan saja membebankan pengguna, malah peniaga turut 'terkena tempias' dan terpaksa berdepan rungutan pelanggan.

Di **Alor Setar**, peniaga mendakwa mereka juga terkesan dengan keadaan itu apabila hanya meraih untung minimum demi menjaga pelanggan.

Peniaga ayam di Pasar Besar Alor Setar, Wan Ahmad Fauzi Wan Ismail, 50, berkata harga ayam kini naik hingga RM9.50 sekilogram berbanding RM7.90 dua minggu lalu, susulan pengumuman kerajaan membenarkan semakin banyak sektor kembali beroperasi.

"Biarpun mampu menjual kira-kira 200 ayam sehari berbanding 100 sehari dua minggu lalu, ia masih tidak berbaloi kerana saya hanya untung tipis (minimum). Jika jual terlalu mahal, saya bimbang pelanggan tidak berani membelinya.

"Daripada 10 pelanggan yang datang, enam merungut harga ayam mahal. Saya tidak mampu berbuat apa-apa kerana saya sendiri pun perlu membayar upah tiga pekerja," katanya.

Penternak dan peniaga ayam, Mazlina Kamarudin, 54, berkata Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) perlu segera menangani isu kenaikan kos dedak dan anak ayam, terutama ketika Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang didakwa mempengaruhi kos ternakan serta harga ayam dalam pasaran.

Beliau yang juga Pengarah Urusan Bismi Empire Sdn Bhd (Ayam Bismi) berkata, kenaikan harga dedak daripada RM80 setiap pek 50 kilogram (kg) kepada RM128 ketika ini sangat membebankan penternak.

"Kos utama ayam adalah dedak. Apabila harga dedak naik, secara tidak langsung harga ayam juga naik. Bagi penternak, dedak adalah isu besar dan perlu diatasi segera.

"Penternak tertekan kerana menanggung kos tinggi ketika PKP dan terus terang, ramai penternak 'bungkus' kerana masalah ini sudah lama berlaku," katanya.

Beliau berkata, penternak juga menanggung kos ubat dan makanan tambahan untuk ayam bagi memastikan tumbesarannya stabil.

Di **Kuala Terengganu**, harga ayam dijangka berterusan naik, sekali gus memberi tekanan kepada peniaga dan pengguna di negeri itu.

Tinjauan di Pasar Bukit Besar dan Pasar Chabang Tiga mendapati ayam dijual pada harga RM9.50 hingga RM10 sekilogram berbanding RM7.50 pada awal Ogos lalu.

Peniaga ayam, Mohd Anuar Mohd Rashid, 36, berkata beliau dimaklumkan oleh pembekal bahawa harga ayam akan terus naik dengan terbaru dijangka meningkat lagi hari ini.

"Bukan sahaja pengguna, kami juga tertekan dan terhimpit apabila harga ayam semakin meningkat.

"Segelintir pengguna tidak faham dan menyalahkan peniaga, malah ada tergamak memaki-hamun kami," katanya.

Rakannya, Hazriwana Mohd, 39, mendakwa jualannya merosot 50 peratus sejak kenaikan harga ayam dalam pasaran.

"Walaupun harga ayam meningkat, ia bukan memberi keuntungan kepada peniaga. Sebaliknya, kami terpaksa berkorban menurunkan harga jualan supaya ayam boleh terjual," katanya.

Di **Kuantan**, pengguna di Pasar Besar Kuantan terkejut kerana harga ayam naik mendadak hingga mencecah RM10.30 sekilogram.

Suri rumah, Haslinda Arshad, 51, menyifatkan kenaikan harga ayam itu sebagai tidak munasabah dan menggesa kerajaan menangani isu itu dengan segera.

"Sebaik-baiknya harga ayam dapat dikawal seperti yang biasa dilakukan pada setiap musim perayaan," katanya.

Di **Masjid Tanah**, kenaikan harga ayam turut meresahkan pengguna dan peniaga ayam serta makanan.

Pengguna, S Marimuthu, 70, menggesa kerajaan mengambil tindakan segera mengatasi masalah itu.

"Sebelum ini, saya hanya membelanjakan antara RM50 hingga RM60 seminggu bagi mendapatkan empat ayam untuk keluarga. Namun sekarang, saya terpaksa membelanjakan kira-kira RM150 untuk tujuan itu," katanya.

Peniaga ayam, Shamsul Bokhari, 56, memaklumkan sebelum 17 Ogos lalu, beliau menjual pada harga RM5.80 sekilogram tetapi kini terpaksa menaikkannya kepada RM6 sekilogram akibat peningkatan harga dari ladang.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 10/9/2021 | KOSMO | NEGARA | 16 |

*Harga (RM/kg) Sumber: KPDNHEP

KPDNHEP pandang serius kenaikan harga ayam dan telur

# Harga ikut permintaan, penawaran

Oleh SUBKHI SUDARJI

**PUTRAJAYA** – Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) memandang serius isu kenaikan harga ayam dan telur serta akan memantau pergerakan harga dan status bekalan barangan tersebut.

KPDNHEP dalam satu kenyataan berkata, tindakan tersebut diambil demi kestabilan harga khususnya bagi barangan asas pengguna dengan memastikan tiada manipulasi harga atau pengambilan untung tidak munasabah dalam kalangan peniaga.

Katanya, pihak kementerian juga tidak akan teragak-agak untuk melaksanakan akta seperti Akta Kawalan Bekalan 1961 serta Akta Kawalan Harga dan Anti-Pencatutan 2011 jika keadaan memerlukan kerana ia akan memberi impak ke atas kos sara hidup rakyat.

Jelas KPDNHEP, pengguna perlu faham bahawa harga ayam dan telur tidak termasuk dalam senarai barang kawalan kecuali semasa musim-musim perayaan utama di Malaysia melalui pelaksanaan Skim Harga maksimum Musim Perayaan (SHMMP).

"Dalam sistem ekonomi pasaran bebas, harga barangan ditentukan oleh permintaan dan penawaran.

"Menerusi fasa pemulihan dengan penutupan dan pembukaan sektor ekonomi, penyesuaian pasaran akan berlaku apabila terdapat lonjakan kuantiti penawaran dan permintaan," katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

KPDNHEP berkata, pihaknya turut memantau pergerakan harga telur ayam di peringkat penternak dan pemborong serta mendapati berlaku kenaikan harga disebabkan berlaku peningkatan kos di setiap peringkat pembekalan.



HARGA ayam dan telur tidak termasuk dalam senarai barang kawalan kecuali semasa musim-musim perayaan utama. – GAMBAR HIASAN

Pada masa sama, pemantauan serta pemeriksaan turut dilaksanakan di peringkat makanan ayam (dedak) dan mendapati peningkatan terhadap kos bagi bahan-bahan utama makanan ayam iaitu jagung, soya dan minyak sawit mentah yang merupakan antara bahan utama bagi pengeluaran ternakan tersebut.

Tambahnya lagi, berdasarkan Laporan Price Alert Harian 6 September lalu mendapati harga ayam standard peringkat nasional meningkat daripada RM8.39 kilogram (kg) kepada RM8.47/kg, dengan peningkatan sebanyak 0.94 peratus (RM0.08/kg).

Dalam perkembangan berkaitan, KPDNHEP mengingatkan pengguna bahawa mereka masih ada pilihan kerana terdapat premis yang menjual ayam dan telur ayam pada harga berpatutan.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 10/9/2021 | SINAR HARIAN | MUKA DEPAN | 1 |

# KPDNHEP kesan harga ayam naik sehingga RM13.20 sekilogram

KEMENTERIAN Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) mengesan kenaikan harga ayam standard di peringkat nasional daripada RM8.39 sekilogram (kg) kepada RM8.47 berdasarkan laporan Price Alert Harian pada 6 September lalu.

Pemantauan KPDNHEP di 605 premis di seluruh negara mendapati harga ayam standard paling tinggi di Semenanjung adalah di Pasar Gopeng, Kinta, Perak iaitu RM11 sekilogram.

Di Sabah, harga purata adalah RM11.26 sekilogram manakala harga tertinggi dicatatkan adalah RM13.20 sekilogram di sebuah pasar raya di Sandakan.

9



| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 10/9/2021 | SINAR HARIAN | NASIONAL | 9 |

# Harga naik seluruh negara

## KPDNHEP kesan kenaikan harga ayam di peringkat nasional daripada RM8.39 kepada RM8.47

Oleh MUHAMMAD ZULKARNAIN MOHD AZMAN

SHAH ALAM

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) mengesan kenaikan harga ayam standard di peringkat nasional daripada RM8.39 sekilogram (kg) kepada RM8.47 berdasarkan laporan Price Alert Harian pada 6 September.

KPDNHEP dalam satu kenyataan berkata, berdasarkan pemantauan pihaknya di 605 premis yang menjual ayam bersih standard di seluruh negara mendapati, 47 premis atau lapan peratus daripadanya menaikkan harga manakala 0.5 peratus menurunkan harga.

"Di Semenanjung, harga purata ayam standard adalah RM8.39 satu kg dan premis yang menjual harga paling tinggi adalah di Pasar Gopeng, Kinta Perak pada harga RM11 satu kg.

"Pada masa sama, ada premis yang menjual pada harga paling rendah iaitu RM5.99 satu kg di 40 buah pasar raya Tesco atau Lotus's di seluruh negara.

"Selain itu, Pasar Raya Besar Mydin Mutiara Rini Johor Bahru dan Family Store Jasin, Melaka turut menjual pada harga RM5.99 satu kg manakala 19 buah premis di Semenanjung menjual pada harga melebihi RM10," katanya pada Khamis.




Peniaga Mohd Robby Awang, 39, menyusun ayam untuk dijual kepada pelanggan ketika ditemui di Pasar Besar Kedai Payang, Kuala Terengganu. Harga ayam secara borong dijual pada harga RM8 sekilogram manakala harga runcit ialah RM9.50 sekilogram.

Ujar kenyataan itu, di Sabah, harga purata ayam bersih standard yang direkodkan adalah RM11.26 satu kg manakala harga tertinggi dicatatkan adalah RM13.20 satu kg yang dijual di Chau Sui Teck (Mawar) Sdn Bhd Sandakan.

Tegas kenyataan tersebut, KPDNHEP memandang serius kenaikan harga ayam dan telur serta akan memantau pergerakan harga juga status bekalan barangan tersebut.

"Mana-mana peniaga yang didapati mengaut untung tinggi yang tidak munasabah boleh dikenakan tindakan di bawah Seksyen 14(1), AKHAP 2011," katanya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 10/9/2021 | UTUSAN MALAYSIA | DALAM NEGERI | 29 |

# Rezeki kais kerang, remis di Lekir



PENDUDUK mengutip kerang dan pelbagai hasil laut seperti remis, kepah dan kijing di Pantai Tanjung Kepah, Lekir dekat Lumut, semalam. - UTUSAN/ZULFACHRI ZULKIFLI

Oleh ASLIZA MUSA
utusannews@mediamulia.com.my

**LUMUT:** Pesisir Pantai Tanjung Kepah di Kampung Batu 9, Lekir di sini kembali menjadi tumpuan apabila orang ramai mencuba nasib mencari kerang dan hasil laut lain yang terdampar di pantai itu berikutan fenomena air pasang.

Tinjauan *Utusan Malaysia* mendapati orang ramai sanggup berpanas untuk mengutip hidupan laut itu sama ada untuk dijual atau dijadikan hidangan keluarga.

Lebih meriah apabila aktiviti itu bukan hanya disertai penduduk setempat, malah, ada yang datang dari daerah lain.

Seorang penduduk, **Nor Anissah Sabari**, 47, berkata, dia yang menetap di Teluk Intan tidak melepaskan peluang datang untuk beriadah susulan kelonggaran prosedur operasi standard Pelan Pemulihan Negara (PPN) Fasa Dua di Perak.

Katanya, dia datang seawal pukul 7 pagi untuk mengutip kerang dan berjaya memperoleh lapan kilogram dalam tempoh empat jam.

"Kerang bersaiz sederhana ini biasanya kalau di pasar harganya dalam RM15 untuk satu kilogram. Hari ini (semalam), saya bukan sahaja dapat kerang, malah ada juga remis dan siput.

"Kalau mahu beli agak mahal juga jadi dalam pada beriadah, kami cuba nasib mencari kerang, sekurang-kurangnya jimat juga belanja dapur minggu ini," katanya ketika ditemui di pantai tersebut di sini semalam.

Bagi **Roslina Bahadun**, 45, dari Manjung, mengutip kerang di Tanjung Kepah adalah pengalaman pertamanya meskipun mengetahui lokasi tersebut merupakan tumpuan ramai peminat hasil laut.

Katanya, dia tidak sabar untuk merasai sendiri kesegaran makanan laut yang diperolehinya terutama remis yang dikatakan manis berbanding lala.

"Saya belum pernah mencuba remis dan tidak sabar untuk merasainya kerana orang kata rasanya manis dan segar selain sesuai dimasak tumis air (rebus)," katanya.

Sementara itu, seorang penduduk Kampung Tanjung Kepah, **Ahmad Zaidi Hashim**, 45, berkata, pantai itu memang menjadi tumpuan ramai terutama pada Mac hingga Disember.

Katanya, rata-rata penduduk dan orang luar yang datang tidak melepaskan peluang mencari hasil laut seperti kerang, remis, kepah, kupang, siput sudu dan gayam yang terdampar di pantai itu.

"Kerang, kepah dan gayam bermusim dan orang memang ramai ketika itu terutama pada hujung minggu manakala remis dan kinjing pula sentiasa ada," ujarnya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 10/9/2021 | THE SUN | NEWS | 3 |



**HOT-SELLING ...** Fruit trader Mohd Azam Mohd Nor, 45, shows the super sweet MD2, or honey pineapple, at his stall on Jalan Tenggiri in Seberang Jaya, Penang, yesterday. The MD2 pineapple, a hot favourite among Malaysians due to its uniform bright gold colour, sweeter taste, higher Vitamin C content, lower fibre and lower acidity, is sold at around RM6 a kg. – ***MASRY CHE ANI/THESUN***

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 10/9/2021 | UTUSAN MALAYSIA | DALAM NEGERI | 31 |



SYAMIL ABD. RAHMAN (kanan) bersama ahli PNW serta nelayan menyelamatkan ikan lumba-lumba terdampar di Kuala Perlis, Perlis.

# 'Nelayan dan ikan lumba-lumba ibarat keluarga'

Oleh NUR NAZLINA NADZARI
utusannews@mediamulia.com.my

**KANGAR:** Bagi golongan nelayan, kelibat ikan lumba-lumba bermain di sekitar bot di perairan Kuala Perlis, dekat sini sudah menjadi kebiasaan sejak sekian lama.

Bagi mereka, hubungan dengan ikan lumba-lumba sudah diibarat seperti 'keluarga' apabila masing-masing berkongsi rezeki di laut dan spesies itu tidak mengundang bahaya kepada manusia.

Mamalia tersebut sering kelihatan bermain-main dan mengikut bot nelayan ketika mereka turun mencari ikan, namun dianggap bijak kerana pandai mengelak dari terkena kipas enjin serta pukat nelayan.

Pengerusi Komuniti Perikanan (myKP), **Husin Ya** yang menjadi nelayan sejak 1974 berkata, dia sudah biasa dengan ikan lumba-lumba dan kelibat spesies berkenaan selalu berada berhampiran bot mereka.

Katanya, kelibat ikan berkenaan kerap kelihatan ketika musim barat daya antara September hingga Disember.

"Ikan lumba-lumba mencari sumber makanan yang mana pada musim ini terdapat banyak ikan kembung yang berada di kawasan satu batu nautika dari pesisir pantai. Ikan lumba-lumba dan nelayan seperti keluarga dan kami tak ada masalah dengan ikan ini.



HUSIN YA



RAZAK SAAD

"Mereka sangat pandai , jika ikan lumba-lumba ini datang dekat dengan bot nelayan, ia pandai mengelak dari terkena pukat. Bukan itu sahaja, mereka juga pandai ambil dan makan ikan yang lekat di jaring tanpa menyebabkan pukat itu terkoyak.

"Kes ikan lumba-lumba terdampar di pesisir pantai banyak ini pula banyak berlaku sejak tahun 2010," katanya kepada *Utusan Malaysia*, semalam.

Dalam pada itu, Lembaga Pengarah Persatuan Nelayan Perlis Selatan, **Razak Saad** berkata, nelayan di sini akan memaklumkan kepada pengerusi myKP apabila terdapat ikan lumba-lumba yang terdampar di pesisir pantai sebelum mereka berhubung dengan pihak bertanggungjawab seperti Jabatan Perikanan.

"Apabila dapat tahu mengenai kejadian seperti ini, kami sama-sama membantu untuk membawa semula ikan ini ke laut kerana jika dibiarkan begitu sahaja, ikan ini akan mati.

"Bagi kes Jumaat lalu (ikan lumba-lumba terdampar) mungkin anak ikan tersebut naik dulu dan ibunya pula mengikuti tetapi tidak sempat pulang ke laut apabila air surut dengan cepat," katanya.